

Tarikh Dibaca: 07 Oktober 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“APABILA WANG MENGUASAI DIRI”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)**
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)**
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)**
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)**
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)**
Majlis Agama Islam Selangor
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)**
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS





"APABILA WANG MENGUASAI DIRI"

ص
الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: أَلْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا
وَالْبَاقِيَتُ الصَّالِحَتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا

1

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

¹ Al-Kahfi; 46



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam golongan hamba-hamba Allah yang mendapat rahmat dan kasih sayang serta perlindungan-Nya di dunia dan di akhirat nanti.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Dalam kehidupan yang serba mencabar ini, wang merupakan keperluan yang sangat penting dalam kehidupan seharian. Tanpa wang kita tidak boleh berbelanja atau menguruskan sesuatu hal yang penting berkaitan dengan diri sendiri, rumahtangga dan negara. Tidak salah kita memperolehi wang yang banyak, asalkan sumber perolehannya adalah daripada sumber yang halal kerana ia dapat menjamin kehidupan yang bahagia dan selamat di dunia dan akhirat. Justeru itu hayatilah khutbah hari ini yang bertajuk **"APABILA WANG MENGUASAI DIRI"**.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Hari ini, kita terbeban dengan kenaikan harga barang, cukai GST, dan kenaikan tol-tol di lebuh raya yang pasti akan menambahkan bebanan yang ditanggung. Kita juga terbeban masalah sosial dan jenayah dalam masyarakat yang semakin membimbangkan. Hal ini berpunca daripada wang, manusia sanggup melakukan apa cara sekalipun untuk mencari keuntungan dan kesenangan walaupun terpaksa melakukan kejahatan dan kerosakan yang akan menyusahkan orang lain. Disebabkan kerana wang, pelbagai masalah berlaku.



Kerana wang, ada dikalangan manusia menghadapi masalah rumahtangga yang semakin kritikal. Hal ini berlaku disebabkan kerana ibu bapa sibuk mencari nafkah dari pagi hingga ke larut malam sehingga terabai tanggungjawab terhadap keluarga. Anak-anak hidup dalam keadaan terbiar dan tidak terurus serta tidak mendapat perhatian yang sewajarnya kesan daripada ibu bapa yang terpaksa bekerja semata-mata. Lantaran itu, sudah pasti akan menyebabkan anak-anak terjerumus dalam keadaan yang tidak sihat seperti ponteng sekolah, terjebak dengan dadah, pergaduhan, kes buli dan lain-lain.

Kerana wang, berapa ramai di antara manusia yang tergolong dalam golongan anak yang derhaka yang sanggup memutuskan hubungan silaturrahim dengan ibu bapa mereka. Ibu bapa tidak dipedulikan, kesihatan dan makan minum mereka tidak diuruskan, mereka dibiarkan hidup kesepian tanpa kasih sayang, mereka dianggap sebagai orang gaji yang menjaga kepentingan anak dan menantu, malah ada yang ditinggalkan di rumah kebajikan orang –orang tua. Namun, apa yang paling menyedihkan kita, ada yang sanggup memukul, mencederakan dan membunuh ibu bapa semata-mata kerana wang apabila keinginan mereka tidak dipenuhi. Adakah ini balasan kita terhadap ibu bapa yang telah melahirkan dan membesarkan kita dengan penuh kasih sayang dan didikan yang secukupnya?

Kerana wang, ada dikalangan manusia semakin tamak. Perasaan belas kasihan, bertimbang rasa, bantu membantu dan membuat kebajikan sudah tidak wujud dalam diri mereka. Mereka hanya lebih mengejar keuntungan semata-mata tanpa mempedulikan kesusahan yang dihadapi oleh masyarakat disekelilingnya. Sebagai contoh, perumahan hari ini terutamanya dibandar semakin mahal untuk dimiliki kerana meningkat harganya secara mendadak. Hal ini akan menyukarkan generasi akan datang untuk memiliki



rumah sendiri. Pada masa yang sama, sewaan rumah dibandar juga meningkat dengan kadar yang tinggi dan bertambah pada setiap tahun, pasti akan menyusahkan golongan kurang berkemampuan untuk menyewanya. Ada dikalangan mereka yang sanggup menjadi gelandangan kerana tidak mampu memiliki rumah atau menyewanya, walaupun tergolong dikalangan orang-orang yang bekerja.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Kerana wang, ada manusia yang sanggup menjadi hamba wang dengan melakukan kegiatan jenayah seperti mencuri, menculik, membunuh, pecah amanah, rasuah, penindasan, keganasan, ajaran sesat dan melakukan kezaliman-kezaliman lain. Sedangkan perbuatan tersebut dilarang oleh Allah SWT. Tidak berasa takutkan kita, bahawa perbuatan yang dilakukan ini pasti akan mendapat balasan sama ada di dunia ataupun di akhirat? Tidak takutkah kita apabila suatu masa nanti keturunan dan generasi kita juga melakukan perkara yang sama juga? Dan tidak takutkah kita, apabila tiba masanya nanti kita dipanggil kembali kepada Allah SWT? Apakah bekalan yang hendak dibawa untuk berhadapan Allah SWT sedangkan kita bergelumang dengan dosa yang kita lakukan sepanjang hidup? Oleh itu, tidak ada gunanya kita menyembunyikan diri dari kejahatan yang dilakukan untuk memiliki hasil kekayaan, kemewahan dan kesenangan yang diperolehi dari sumber yang haram, sedangkan gerak geri kita sentiasa diperhatikan oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 18;



إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ غَيْبَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ بَصِيرٌ

بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya Allah mengetahui segala rahsia langit dan bumi, dan Allah Maha Melihat akan segala yang kamu kerjakan".

Muslimin yang berbahagia,

Kerana wang, ada manusia yang menjadi keras hati, kedekut dan bakhil. Mereka beranggapan, bahawa wang yang mereka perolehi ini adalah daripada hasil usaha dan titik peluh mereka sendiri yang tidak boleh dikongsi oleh sesiapa. Mereka sanggup membiarkan saudara-saudara seagama mereka berada dalam kesusahan dan kesukaran.

Firman Allah SWT dalam surah ali-Imran ayat 180;

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرًا لَّهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ سَيُطَوَّقُونَ مَا بَخِلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١٨٠﴾

"Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahan-Nya menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan ia



adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak. Dan bagi Allah jugalah hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu kerjakan. (Mukjizat) yang nyata dan dengan (korban) yang katakan, maka membunuh mereka, jika kamu orang-orang yang benar (dalam apa yang kamu dakwakan itu)?".

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Mimbar hari ini ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian bahawa, tidak salah untuk kita mencari wang yang banyak bagi meningkatkan taraf kehidupan ekonomi keluarga. Malah Islam menggalakkan umatnya supaya berusaha mencari wang untuk tujuan menjalani kehidupan harian memenuhi keperluan perbelanjaan makan minum, tempat tinggal, pendidikan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, janganlah jadikan wang menguasai diri, mendatangkan permasalahan dan kemudaratan dalam kehidupan kita.

Justeru itu, mimbar Jumaat hari ini menyeru supaya;

1. Umat Islam hendaklah mengukuhkan akidah, syariah dan akhlak Islam supaya kehidupan kita tidak dikuasai oleh wang dan kebendaan.
2. Umat Islam hendaklah memastikan sumber-sumber kewangan yang diperolehi didapati daripada sumber yang baik dan halal.
3. Umat Islam janganlah menjadi hamba wang sehingga lalai untuk mengerjakan ibadat kepada Allah SWT.
4. Umat Islam hendaklah menjauhi segala bentuk penyelewengan dan rasuah, salah guna kuasa dan sebagainya.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
أَلْهَكُمُ التَّكَاثُرُ ﴿١﴾ حَتَّىٰ زُرْتُمُ الْمَقَابِرَ ﴿٢﴾ كَلَّا سَوْفَ
تَعْلَمُونَ ﴿٣﴾ ثُمَّ كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٤﴾ كَلَّا لَوْ تَعْلَمُونَ
عِلْمَ الْيَقِينِ ﴿٥﴾ لَتَرُونَ الْجَحِيمَ ﴿٦﴾ ثُمَّ لَتَرُونَهَا
عَيْنَ الْيَقِينِ ﴿٧﴾ ثُمَّ لَتَسْأَلَنَّ يَوْمَئِذٍ عَنِ النَّعِيمِ ﴿٨﴾

"Kamu telah dilalaikan (daripada mengerjakan amal bakti) oleh perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat dengan sebanyak-banyaknya (harta benda, anak-pinak pangkat dan pengaruh). Sehingga kamu masuk kubur. Jangan sekali-kali (bersikap demikian)! kamu akan mengetahui kelak (akibatnya yang buruk semasa hendak mati)! Sekali lagi (diingatkan); jangan sekali-kali (kamu bersikap demikian)! kamu akan mengetahui kelak akibatnya yang buruk pada hari kiamat)! Demi sesungguhnya! kalaulah kamu mengetahui (Apa yang kamu akan hadapi) dengan pengetahuan yang yakin, (tentulah kamu akan mengerjakan perkara-perkara yang menjadi bekalan kamu untuk hari Akhirat). (Ingatlah) Demi sesungguhnya! kamu akan melihat api neraka yang marak menjulang. Selepas itu demi sesungguhnya! kamu (wahai orang-orang yang derhaka) akan melihatnya dengan penglihatan yang yakin (semasa kamu dilemparkan ke dalamnya)! Selain dari itu, sesungguhnya kamu akan ditanya pada hari itu, tentang segala nikmat (yang kamu telah nikmatinya)!".

(at-Takaatsur ; 1-8).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrim yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه



الحاج ابن المرحوم سُلْطَانِ صَلَاحُ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاطُوْر، تَعَكَوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ
الدِّينِ ادريس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau



redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat khususnya wabak penyakit Zika dan Denggi supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa dilindungi dan diberkati.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

**
JAIS/Nurul
15.09.2016